



KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Skills Development Fund Corporation
Kementerian Sumber Manusia
Ministry of Human Resources
Pejabat Ketua Eksekutif
Aras 27, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur.



Telefon : 03-4047 6008
Faks : 03-4047 6108
Laman Web : www.ptpk.gov.my

Rujukan Kami: PTPK.PLS.600-1/5 (50)
Tarikh: 28 November 2016

Ketua Eksekutif /Pengarah /Pengurus
Penyedia Latihan Berdaftar

Salam Kemahiran,

Tuan,

**PENGHANTARAN DOKUMEN SOKONGAN DAN SURAT PERJANJIAN PINJAMAN
LATIHAN KEMAHIRAN BAGI SKIM PINJAMAN LEPASAN SEKOLAH DAN SKIM
PINJAMAN PEKERJA**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) akan membuat Penutupan Akaun PTPK dan Penyediaan Dokumen Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016. Sehubungan dengan itu, tuan diminta untuk mengemukakan dokumen permohonan dan perjanjian pinjaman latihan kemahiran bagi Skim Pinjaman Lepas Sekolah dan Skim Pinjaman Pekerja yang lengkap kepada pihak PTPK **selewat-lewatnya sebelum atau pada 5 Disember 2016 (Isnin)** bagi membolehkan semakan dan pembayaran Yuran dan Elaun Sara Hidup dibuat sebelum penutupan akaun tersebut.

3. Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amat diperlukan bagi membolehkan pembayaran dibuat mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Kegagalan pihak tuan berbuat demikian akan menyebabkan pembayaran dibuat selepas penutupan akaun tersebut.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

"Pekerja Berkemahiran Penggerak Ekonomi"


(DATO' ABDUL HALIM BIN MUHAMAD SALLEH)
Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran